

BRI akan jadi pusat penyelidikan bioteknologi, kata Kamaruzaman

OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Bioteknologi (BRI) Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan menjadi sebuah pusat penyelidikan dalam bidang bioteknologi.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, bagi menjayakan hasrat itu, sebuah makmal khas iaitu Makmal Keselamatan Bioteknologi Tahap 3 diwujudkan di BRI.

Beliau berkata, makmal itu yang dilengkapi pelbagai peralatan canggih akan digunakan untuk menjalankan penyelidikan pelbagai penyakit berbahaya dan membawa maut seperti wabak selesema babi H1N1 dan Sindrom Pernafasan Akut yang teruk (SARS).

Katanya, penyelidikan berkaitan penyakit itu tidak boleh dilakukan di makmal biasa kerana wabak penyakit boleh merebak dan membahayakan nyawa penyelidik dan orang sekeliling.

"Saya pasti, makmal ini akan menarik minat lebih ramai penyelidik dari dalam dan luar negeri untuk datang

berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkenaan.

"Ia sekaligus akan meletakkan universiti ini antara universiti terunggul di rantau ini terutamanya dalam bidang biodiversiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Simposium Bioteknologi ke-4, di Auditorium Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS Prof Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton.

Simposium selama tiga hari yang bermula kelmarin itu disertai seramai 114 penyelidik dari dalam dan luar negara termasuk dari India, Afrika Selatan, Nigeria, Korea Selatan, Iran dan Thailand.

Kamaruzaman berkata, makmal itu akan diberi Akreditasi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Terdahulu itu, ketika berucap beliau berkata, BRI berharap dapat mengenalpasti sumber-sumber biologi di negeri ini yang berpotensi untuk dimaju dan dikomersilkan.

Beliau berkata, tema Simposium Bioteknologi iaitu 'Menfaatkan Sum-

ber Biologi Melalui Bioteknologi' amat sesuai pada masanya kerana ia bertujuan untuk memberikan maklumat terkini kepada para penyelidik mengenai trend bioteknologi global.

"Simposium ini juga merupakan peluang terbaik kepada para pelajar dan penyelidik UMS untuk mempelajari perkembangan terkini dalam menerokai sumber biologi melalui penggunaan teknologi," katanya.

Katanya, bidang lain yang akan dibincangkan dalam simposium itu ialah pembangunan teknologi, implikasi pemindahan teknologi dan pendekatan terhadap penggunaan bioteknologi untuk memanfaatkan sumber-sumber biologi secara optimum.

IPB ditubuhkan pada Januari 2002 yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan UMS dalam bidang bioteknologi.

Penubuhan institut itu selaras dengan usaha kerajaan dalam menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang biologi atau sains hayat untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia dalam bidang perubatan, pemakanan, sains pertanian dan perlindungan alam sekitar.



BANGUNAN IPB ... Kamaruzaman (kiri) mendengar penerangan mengenai perkembangan pembinaan bangunan Institut Penyelidikan Bioteknologi dari Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, Prof Datin Seri Dr Ann Anton (kanan) selepas merasmikan UMS Biotechnology Symposium IV-"Narnessing Biological Resources Through Biotechnology" di Auditorium Biotechnology Research Institute UMS kelmarin.



EMAS HITAM ... Kumpulan cerpen pemenang peraduan cerpen Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco), Badan Bahasa dan Sastra Sabah (BAHASA) dilancarkan oleh Pengerusi Sedco, Datuk Haji Mohd Arifin Mohd Arif di

salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu malam Selasa lalu.

Kumpulan cerpen yang berjudul Emas Hitam itu merupakan buku kedua yang dihasilkan menerusi peraduan menulis cerpen Sedco-BAHASA yang



kali pertama diperkenalkan pada tahun lalu.

Lebih 100 penulis menyertai peraduan itu pada kali ini di mana Ruhaini Matderin muncul sebagai pemenang pertama diikuti oleh Hajah Rubiah

Nordin (kedua) dan Sitti Rahmah G.Ibrahim tempat ketiga.

Mohd Arifin melihat Kumpulan Cerpen Emas Hitam yang dilancarkan.

Mohd Arifin menyampaikan hadiah pertama kepada Ruhaini Matderin.